



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 20/2009**

**Permohonan Pembahagian Pusaka Bernilai Lebih Daripada
RM 600,000.00 Yang Dibuat Sebelum 1 September 2009**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 20/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 20/2009

Permohonan Pembahagian Pusaka Bernilai Lebih Daripada RM 600,000.00
Yang Dibuat Sebelum 1 September 2009

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah mengenai kedudukan permohonan untuk pembahagian sesuatu pusaka yang bernilai lebih dari RM 600,000.00 dan yang telah dibuat kepada Mahkamah sebelum 1 September 2009.

2. Subseksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2008 [Akta A1331] telah menaikkan nilaiang bidang kuasa harta pusaka kecil daripada RM600,000.00 ke RM 2,000,000.00. Perintah yang mula berkuat kuasa daripada 1 September 2009 ini telah memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk menguruskan permohonan bagi pembahagian harta pusaka yang mengandungi harta alih dan harta tak alih yang jumlah keseluruhan nilaiannya tidak melebihi RM 2,000,000.00, iaitu permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut. Walau bagaimanapun, perintah berkenaan tidak melibatkan permohonan untuk Probet dan Surat Kuasa Mentadbir bagi harta pusaka yang bernilai tidak lebih dari RM 2,000,000.00 yang diterima oleh Mahkamah sebelum 1 September 2009 dan permohonan itu tidak boleh dipindahkan kepada Pentadbir Tanah untuk diuruskan sebagai harta pusaka kecil.

3. Manakala subseksyen 3(3) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98), pula memperuntukkan bahawa bagi tujuan menentukan sama ada sesuatu harta pusaka itu adalah harta pusaka kecil atau sebaliknya, nilaiang harta bagi pusaka tersebut hendaklah dikira pada tarikh permohonan didaftarkan dan bukannya pada tarikh kematian. Walau bagaimanapun bagi permohonan yang dikemukakan kepada Mahkamah, biasanya harta tersebut dinilaikan pada tarikh kematian dan bukannya pada tarikh permohonan dibuat. Ini kerana nilaiang harta biasanya akan meningkat mengikut masa, maka besar kemungkinan nilaiang harta di dalam permohonan kepada Mahkamah akan bertambah sekiranya ditaksirkan pada tarikh permohonan itu dibuat dan dengan demikian nilaiang sebenar akan melebihi RM 2,000,000.00.

4. Pentadbir Tanah dengan ini diingatkan bahawa mereka tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas sesuatu permohonan pembahagian harta pusaka yang mengandungi harta-harta bernilai lebih daripada RM 600,000.00 sekiranya permohonan itu telah diserahkan kepada Mahkamah sebelum 1 September 2009.

5. Pentadbir Tanah hendaklah mengambil ingatan dan memberi perhatian yang sewajarnya mengenai perkara ini.

6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 10/1975 dengan ini dibatalkan.


(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan